

| | | | |
|------------|----------------------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Banyak ciptaan tempatan bertaraf dunia 'tersimpan' | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 18 Jan 2014 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 138,805 |
| Page No | 32 | Readership | 1,048,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 376 cm ² |
| Journalist | Suhaila Shahrul Annuar | AdValue | RM 12,681 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 38,043 |



Banyak ciptaan tempatan bertaraf dunia 'tersimpan'

Usahawan tak prihatin perlindungan harta intelek

SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

Peniaga dan usahawan di negara ini perlu prihatin kepentingan mendapatkan perlindungan harta intelek (IP) bagi produk dan hasil ciptaan mereka.

Ia berikutan masih banyak lagi hasil ciptaan inovasi dan penyelidikan rakyat negara ini 'tersimpan' dan tidak dikomersialkan ke peringkat lebih tinggi kerana kurangnya ilmu mengenai harta intelek.

Pengarah Adastra IP (M) Sdn Bhd, K Mohan (**gambar**) berkata, walaupun tahap kesedaran rakyat negara ini, terutama dalam kalangan peniaga mengenai hak mereka untuk mendapatkan perlindungan harta intelek semakin menampakkan perkembangan positif, ia masih pada tahap rendah.

"Biasanya, pengusaha asing lebih menyedari kepentingan mereka mendapatkan perlindungan di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan Cop Dagangan berbanding syarikat atau pengusaha tempatan.

"Segelintir usahawan di negara ini masih tidak faham apa yang dimaksudkan dengan harta intelek yang berfungsi untuk melindungi produk dan perkhidmatan.

Kurang prihatin

"Oleh itu, pendedahan dan kesedaran mengenai kepentingan harta intelek ini sangat penting dalam membantu usahawan untuk mengorak langkah sebagai usahawan berjaya," katanya.

Definisi mudah harta intelek ialah hasil ciptaan sama ada dalam bentuk reka cipta, simbol, nama dan reka bentuk yang digunakan dalam perdagangan mahupun karya sastera serta seni.

Komponen harta intelek memabitkan

paten (ciptaan berkaitan teknologi), cap dagangan (nama syarikat), reka bentuk perindustrian, petunjuk geografi, hak cipta dan susun atur litar bersepadu.

Akta yang memberi perlindungan kepada harta intelek di Malaysia memabitkan Akta Cap Dagangan 1976; Akta Paten 1983; Akta Hak Cipta 1987; Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996; Akta Petunjuk Geografi 2000; Akta Susun Atur Litar Bersepadu 2000.

Adastra IP (M) Sdn Bhd adalah syarikat yang menjurus kepada memberi khidmat nasihat dan berkaitan semua perkara mengenai harta intelek.

Sambil mengakui peniaga atau usahawan berbangsa Cina lebih memahami dan prihatin mengenai hak mereka untuk mendapatkan perlindungan harta intelek katanya, antara perkara yang menyebabkan peniaga atau usahawan menolak untuk mendapatkan perlindungan harta intelek adalah disebabkan takut dengan harga yang mahal.

"Tanggapan itu perlu diubah. Ia adalah perkara yang memabitkan kesan jangka panjang. Pada harga kurang RM3,000, peniaga atau usahawan boleh menguruskan hal berkaitan harta intelek mereka," katanya.

"Adastra IP (M) Sdn Bhd sudah bekerjasama dengan pelbagai agensi terkenal di negara ini, termasuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan MIMOS Berhad.

"Lebih 2,000 hasil teknologi dan inovasi sudah dipatenkan, manakala kira-kira 4,000 hasil ciptaan menerima cap dagangan," katanya.

"Apa yang saya perhatikan selama 17 tahun terbabit dalam bidang berkaitan harta intelek, peniaga dan usahawan hanya akan sedar kepentingan perkara itu apabila hasil ciptaan mereka dicuri konsepnya dan mereka tidak boleh membuat tuntutan.

"Sesuatu teknologi perlu dipatenkan sebelum produk diperkenalkan kepada

| | | | |
|------------|----------------------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Banyak ciptaan tempatan bertaraf dunia 'tersimpan' | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 18 Jan 2014 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 138,805 |
| Page No | 32 | Readership | 1,048,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 376 cm ² |
| Journalist | Suhaila Shahrul Annuar | AdValue | RM 12,681 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 38,043 |

orang ramai, manakala bagi cap dagangan ia boleh didaftarkan pada bila-bila masa. Jadi, buatlah pilihan bijak,” katanya.

